

Newspaper	Utusan Melayu
Date	05/08/17C

Dr. Mahathir terdesak jatuhkan UMNO

UM-5/8/2017
Pg. 8

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**

utusan@kelantan@utusan.com.my

■ PASIR MAS 4 OGOS

TUN Dr. Mahathir Mohamad dilihat semakin terdesak mahu menyalahkan UMNO sehingga sanggup menuduh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berjumpa beliau untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, tuduhan tersebut cukup tidak berasas dan bekas Perdana Menteri itu perlu mengemukakan bukti terhadap dakwaan yang dibuat.

Katanya, Dr. Mahathir dilihat cuba menimbulkan persepsi dalam kalangan rakyat kononnya kedua-dua pemimpin tertinggi UMNO berkenaan mempunyai masalah namun, semua sedia maklum bahawa tindak-tanduk Pengerusi Pa-

katan Harapan itu sememangnya tidak boleh dipercayai.

"Ahli-ahli UMNO diingatkan supaya tidak terperangkap dengan permainan Dr. Mahathir ini. Dr. Mahathir akan terus serang UMNO kerana beliau sudah tidak mahu bersama parti ini lagi sebaliknya ingin bersama DAP," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Pasir Mas di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Ibrahim 1 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Datuk Hanafi Mamat; Timbalannya, Che Johan Che Pa dan seluruh kepimpinan UMNO bahagian tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, Pakatan Harapan yang diketuai DAP dilihat masih mencari-cari identiti kerana sehingga kini mereka masih tidak mempunyai persefahaman sesama sendiri.

Penubuhan gabungan tersebut dakwa

Mahdzir, hanya untuk merealisasikan agenda politik masing-masing dan mereka sanggup melakukan apa sahaja perkara termasuk menggadaikan prinsip.

"Saya nampak dalam enam bulan ini Pakatan Harapan sedang mencari identiti. Dapat disaksikan semua pemimpin kalau boleh hendak bercakap bagi pihak parti.

"Sehingga kini, kita tidak nampak mereka boleh berada dalam satu platform yang baik untuk berhadapan dengan Barisan Nasional (BN)," katanya yang juga Menteri Pendidikan.

Terdahulu dalam ucapannya, Mahdzir percaya Pakatan Harapan akan berterusan mencari pelbagai helah untuk mengelirukan rakyat supaya membenci UMNO dan BN menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Pembangkang akan cari sebaik mungkin helah dan menghasut rakyat menolak UMNO. Tetapi apa yang jelas, saya tidak nampak rakyat tolak UMNO," katanya.